
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2002/2003

September 2002

YKT/YKA 102 – Pengantar Komunikasi Massa

Masa: 3 Jam

ARAHAN KEPADA CALON:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan mengandungi SATU (1) muka surat bercetak dan 6 soalan sebelum memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA (3)** soalan sahaja.

Sumbangan markah tiap-tiap soalan ialah 100 markah.

1. Dengan menyediakan contoh kajian, bincangkan masalah yang timbul dengan andaian dan kajian bahawa media mempunyai pengaruh yang kuat ke atas masyarakat dan juga sangat ‘berkesan’.
2. Jelaskan, dengan contoh, perbezaan, jika ada, di antara pendekatan kegunaan dan kepuasan dengan kajian ‘reception’.
3. Makna, seperti idea, tidak wujud dalam kekosongan tetapi berdasarkan perkembangan dan hirarki masyarakat. Bincangkan kenyataan ini dengan menyediakan kritikan terhadap kaedah analisis kandungan.
4. Dalam satu negara yang sedang membangun media terlalu penting untuk dibiarkan dikuasai oleh pasaran dan seharusnya dilindungi oleh pemerintah. Nilaikan secara kritis kenyataan ini dengan menyediakan contoh.

- 2 -

5. Dalam era globalisasi kini, teknologi baru komunikasi (*ICTs*) memainkan peranan yang pusat untuk mengeratkan persefahaman dan mengurangkan jurang perbezaan di antara masyarakat dunia. Bincangkan kenyataan ini.

6. Sistem pendidikan komunikasi formal seharusnya mementingkan latihan teknikal pelajar untuk melicinkan kemasukan mereka ke dalam industri komunikasi. Bincangkan pandangan ini.

- 000 O 000 -